

## MALAYSIA DAN ARUS FEMINISME GLOBAL: PEMBANGUNAN WANITA DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA MALAYSIA<sup>©Σ</sup>

MUHAMMAD RAHIMI HASAN\* DAN RASHILA RAMLI†

### ABSTRAK

Feminisme adalah wacana dan pergerakan yang bertujuan mengubah ketidakseimbangan gender dalam masyarakat yang mengutamakan lelaki (*patriachal society*). Feminisme telah berkembang pesat, meliputi empat arus utama serta berevolusi ‘dari bawah ke atas’. Dinamika dan fokus perjuangan yang bermula daripada peringkat masyarakat sehingga ke arena antarabangsa menunjukkan keterangkuman penglibatan aktor negara dan bukan negara. Menggunakan pendekatan Feminisme dalam Politik dan Hubungan Antarabangsa, makalah ini menjelaskan bagaimana dinamika pembangunan wanita di Malaysia menjadi sebahagian arus feminism global. Apabila PBB meraikan Hari Wanita Antarabangsa 1975, Malaysia memainkan peranan antarabangsa aktif dalam *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) dan *Sustainable Development Goals* (SDG) serta menubuhkan agensi tempatan, *National Advisory Council on the Integration of Women in Development* (NACIWID). Perbincangan makalah berfokus kepada tiga bahagian utama. Pertama, menghuraikan perkembangan aliran utama dalam feminisme dan interaksinya dengan disiplin hubungan antarabangsa. Kedua, akibat daripada kepesatan wacana genderisasi atau feminisme dalam politik, rangka kerja wanita dalam pembangunan (*women in development WID*), wanita dan pembangunan (*women and development WAD*), serta gender dan pembangunan (*gender and development GAD*) menjadi penanda aras menerangkan emansipasi wanita dalam pengubalan polisi. Pada bahagian ketiga, kajian turut mengaplikasikan model tersebut di Malaysia.

**Kata kunci:** Feminisme global, pembangunan wanita, CEDAW, SDG dan NACIWID di Malaysia, WID, WAD, GAD

---

© **Hak cipta:** Para Penulis. 2022. Diterbitkan oleh Penerbit UKM bagi pihak SPHEA, FSSK UKM dan MPAT. Ini adalah artikel Akses Terbuka (*Open Access*) yang diedarkan menerusi syarat Lesen bebas karya yang tidak berhak cipta (*creative common (CC)*): <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), yang membenarkan penggunaan, pengedaran dan pengeluaran semula tanpa had dalam mana-mana medium dengan syarat karya asal dipetik dengan betul dan tepat (diterbitkan *SINERGI*).

Σ **Maklumat artikel:** Tarikh penghantaran: 5 September 2022; Tarikh penerimaan: 15 Oktober 2022; Tarikh Penerbitan: 31 Disember 2022.

\* **Penulis Pertama dan Penghubung:** Muhammad Rahimi Hasan, PhD (UKM), Setiausaha, Pertubuhan Naratif Malaysia (NARATIF), D/A Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Emel: muhdrahimihasan@gmail.com

† **Penulis Kedua:** Dato' Rashila Ramli, PhD (NAU), Profesor dan Felo Utama, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Emel: rashila@ukm.edu.my

**MALAYSIA AND GLOBAL FEMINISM: WOMEN'S DEVELOPMENT AND  
MALAYSIAN INTERNATIONAL RELATIONS**

MUHAMMAD RAHIMI HASAN AND RASHILA RAMLI

**ABSTRACT**

*Feminism is a discourse and movement that aims to change the gender imbalance in a patriarchal society. Feminism has proliferated, covering four mainstreams and evolving 'from the bottom up'. The dynamics, focus, and struggle that start from the community up to the international level show the inclusive involvement of state and non-state actors. Using Feminism approaches in Politics and International Relations, this paper explains how the dynamics of women's development in Malaysia have become part of contemporary global feminism. When the UN celebrated International Women's Day in 1975, Malaysia played an active international role in the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) and the Sustainable Development Goals (SDG). It established a local agency, the National Advisory Council on the Integration of Women in Development (NACIWID). The paper is divided into three major parts. First, interactions between feminism and International Relations will be explored. Second, because of gendering politics, the framework of women in development (WID), women and development (WAD), as well as gender and development (GAD) have become a benchmark for explaining women's emancipation in policy formulation. Finally, the study also applies the model in Malaysia. Arguably Malaysia's earliest roles and international activism explain the inclusion of Malaysia's lessons in transnational feminism and the country's contribution to women's development despite the prevalent patriarchal attributes.*

**Keywords:** Global feminism, women's development, CEDAW, SDGs and NACIWID in Malaysia, WID, WAD, GAD

## Pengenalan

Inisiatif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menganjurkan Hari Wanita Antarabangsa 1975 buat pertama kali dan Dekad Wanita Antarabangsa (1975-1985) di Mexico City, secara rasmi melibatkan Malaysia dalam agenda feminism global (Hawkesworth 2019). Hal ini kerana termeterainya komitmen pihak Kerajaan Malaysia terhadap program dan dasar anjuran PBB yang menggalakkan negara-negara terlibat untuk mengadakan dasar, program dan jentera kerajaan berkaitan ‘wanita dalam pembangunan’ atau *women in development* (WID). Tindakan pihak kerajaan ini merupakan respon positif ke arah usaha yang lebih konkret untuk kemajuan taraf golongan wanita di Malaysia (Karim dan Rokiah 2016, 89).

Wanita Malaysia sejak Dekad Wanita Antarabangsa (1975-1985) semakin aktif memainkan peranan selaku aktor atau pemain di peringkat antarabangsa. Namun demikian, wanita Malaysia masih mempertahankan jati diri tempatan—khususnya daripada segi undang-undang, agama, budaya dan adat resam (Mohamad 1998). Ratifikasi Malaysia terhadap *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) pada Ogos 1995 misalnya meletakkan pelbagai reservasi atas sebab percanggahan CEDAW dengan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia dan undang-undang syariah (SUHAKAM 2017, 3). Hal ini selaras dengan pilihan pendirian Malaysia bagi mendepani cabaran globalisasi iaitu aliran transformasionalis yang menekankan penyertaan negara dalam globalisasi tidak dapat dielakkan tetapi ia masih mempunyai ruang-ruang penambah baikan untuk mengelakkan impak penyeragaman daripada aktor institusi antarabangsa—khususnya dampak negatif (Embong 2000). Pendirian ini sekali gus mencorakkan hubungan antarabangsa Malaysia di peringkat global berkenaan agenda pembangunan wanita (Joseph 2014; Elias 2020).

Sehubungan itu, pada tahun 1976, pihak Kerajaan Malaysia mengambil langkah awal penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan atau *National Advisory Council on the Integration of Women in Development* (NACIWID). Penubuhan jentera kerajaan NACIWID yang bertujuan asal untuk mengintegrasikan wanita dalam proses pembangunan negara berevolusi sehingga kini menjadi sebuah kementerian khusus iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Kementerian ini bergerak berpaksikan Dasar Wanita Negara 1989 dan semakan semula dasar iaitu Dasar Wanita Negara 2009, serta dikepilkhan bersama Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang memperincikan tindakan perlu oleh pihak kerajaan dan disemak keperluan secara berkala (Jabatan Pembangunan Wanita 2022).

Evolusi jentera kerajaan berkaitan wanita melalui sejarah panjang. Setelah NACIWID ditubuhkan pada tahun 1976, jentera kerajaan untuk hal ehwal wanita di Malaysia diambil alih oleh agensi baharu iaitu Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada tahun 1983. Daripada taraf Urusetia, HAWA dijadikan sebagai Bahagian pada tahun 1985 di bawah JPM, sebelum kemudiannya diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

pada tahun 1990 dan dinaik taraf sebagai Jabatan pada tahun 1997. Bersesuaian dengan hasrat pihak kerajaan, pada tahun 1999, ia diletakkan semula di bawah JPM yang akhirnya menjadi salah satu Jabatan di bawah KPWKM secara rasmi pada tahun 2001 (Karim dan Rokiah 2016). Berdasarkan evolusi ini, kerangka atau tema pembangunan secara konsisten mendasari jentera kerajaan dan dasar berkaitan wanita. Kini, ia termasuk pelaksanaan agenda *Sustainable Development Goals 2030* (SDG 2030) menerusi *Goal 5: Achieve Gender Equality and Empower All Women and Girls*.

Pada masa sama, harus ditekankan bahawa gerakan wanita di Malaysia berevolusi sejak pra merdeka sehingga pasca merdeka merangkumi aktor-aktor utama. Ia melalui peranan individu tokoh pemimpin wanita dan lelaki, organisasi wanita berautonomi dan sayap wanita organisasi, serta majlis gabungan organisasi-organisasi wanita peringkat kebangsaan iaitu *National Council of Women's Organisations Malaysia* (NCWO). Kesemua aktor memainkan peranan sebagai perantara wanita dalam komuniti dan masyarakat dengan pihak kerajaan yang disebutkan sebelum ini. Di sini, wujud hubungan antara feminism 'dari bawah' yang merujuk kepada suara wanita secara individu atau kolektif (baca: yang tidak berkuasa) dalam komuniti dan masyarakat. Manakala 'feminisme dari atas' merujuk kepada struktur institusi-institusi kuasa (baca: yang berkuasa) iaitu kerajaan atau pemerintah dan organisasi serantau dan antarabangsa yang memberdayakan objektif keadilan gender untuk wanita (Mohamad 2002).

Perkembangan gerakan wanita atau feminism di Malaysia menunjukkan tiga konteks utama. Pertama, tindak balas pihak kerajaan terhadap agenda wanita anjuran PBB pada tahun 1975 merupakan kedinamikan baharu dalam agenda wanita di Malaysia dengan dunia global. Kedua, inisiatif penubuhan jentera kerajaan untuk wanita berlandaskan agenda pembangunan ialah suatu perkembangan baharu yang belum pernah berlaku di Malaysia. Ketiga, berlaku pertembungan antara feminism 'dari atas' diwakili agenda wanita oleh PBB dengan feminism 'dari bawah' diwakili organisasi-organisasi wanita tempatan yang berevolusi sehingga kini. Dalam ketiga-tiga konteks tersebut, berlaku praktik feminism yang bermatlamatkan penghapusan atau setidak-tidaknya bertujuan mengurangkan ketidakseimbangan gender terhadap wanita. Praktik ini dijalankan menerusi agenda pembangunan wanita global iaitu kerangka yang bersifat sejagat. Namun, penerimaan terhadap kerangka pembangunan bersifat sejagat atau universal disaring dan diterima mengikut konteks spesifik di Malaysia yang mempunyai sensitiviti terhadap kepelbagaiannya agama, etnik, bahasa dan budaya—berlandaskan konsep '*universal vs. difference*'. Maka, kajian ini mengemukakan isu realiti sebenar praktik feminism dalam agenda pembangunan wanita di Malaysia.

Bagi menangani isu atau permasalahan kajian tersebut, artikel ini menggariskan tiga objektif utama. Pertama, membincangkan feminism sebagai gelombang gerakan, aliran utama dan perspektifnya dalam hubungan antarabangsa. Kedua, menghuraikan tiga kerangka pembangunan wanita dalam hubungan antarabangsa iaitu 'wanita dalam pembangunan' atau *women in development* (WID), 'wanita dan pembangunan' atau *women and development* (WAD) dan 'gender dan pembangunan' atau *gender and development* (GAD). Ketiga, menganalisis aplikasi WID, WAD dan GAD dalam pelaksanaan CEDAW dan SDG 2030 di Malaysia.

## **Feminisme: Gelombang Gerakan, Aliran Utama dan Perspektif Hubungan Antarabangsa**

Bahagian ini menghuraikan terlebih dahulu empat gelombang feminism yang menjadi naratif gerakan feminism global. Kemudian, membincangkan pendekatan utama teori feminism yang dibangunkan sebagai hasil daripada arus-arus feminism. Seterusnya, ia membincangkan pertalian antara feminism dan hubungan antarabangsa.

### ***Gelombang Gerakan Feminisme***

Gerakan feminism sering difahami mengikut empat arus atau gelombang seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah. Gelombang pertama feminism sejak akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20 tertumpu kepada isu kesamarataan, khususnya hak pengundian. Selanjutnya, tahap gelombang kedua feminism akhir dekad 1960-an hingga dekad 1970-an menangani isu kesamarataan hak wanita bukan dalam arena politik sahaja, malahan keluarga, seksualiti dan pekerjaan (Ramli 1999, 45; Freedman 2001, 4). Gelombang ketiga feminism pula bermula awal dekad 1990-an. Ia mengkritik gerakan wanita yang dipelopori feminis kulit putih di Barat, baik strategi politik maupun wacana. Gelombang ketiga feminism bermatlamatkan pemahaman soal kepelbagaian dan perbezaan pengalaman subordinasi golongan wanita akibat kerencaman identiti sosial wanita seperti ras, etnik, agama, budaya dan kewarganegaraan. Gelombang keempat berkait dengan isu seperti gangguan seksual (*sexual harassment*), ejekan tubuh (*body shaming*) dan budaya rogol (*rape culture*) yang mendorong gerakan berwahanakan internet seperti kempen dalam talian dengan tanda pagar #MeToo yang menunjukkan solidariti wanita di seluruh dunia yang berhadapan dengan isu sama di tempat kerja, sekolah dan rumah.

**Jadual 1: Perbandingan Gelombang Pergerakan Feminisme**

<b>Gelombang</b>	<b>Isu dan Ciri Khusus</b>	<b>Tempoh Masa</b>
Gelombang pertama	▪ Hak pengundian sejagat.	Akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20
Gelombang kedua	▪ Kesamarataan hak wanita dalam isu di ruang awam dan seksualiti.	1960-an – 1980-an
Gelombang ketiga	▪ Isu diskriminasi wanita berdasarkan perbezaan identiti ras, etnik, agama, budaya dan kewarganegaraan.	1990-an – 2000-an
Gelombang keempat	▪ Internet sebagai alat gerakan; tanda pagar #MeToo	2012 – kini

**Sumber:** Dipetik dan diubahsuai oleh penulis berdasarkan karya Hawkesworth (2019), Freedman (2001), Gamble (2004) dan Ramli (1999).

Namun demikian, pemahaman gerakan feminism menerusi gelombang pertama dan kedua dikritik kerana ia (i) berpusatkan pengalaman Barat atau Eropah—Eurosentrifik; dan (ii) bersifat reduksionisme. Gelombang pertama dan kedua feminism berlandaskan sejarah dan pengalaman gerakan wanita Barat, khususnya Amerika Syarikat dan Eropah, justeru meminggirkan pengalaman wanita di Timur semasa gelombang pertama

dan kedua. Ia menyebabkan salah faham bahawa di luar arus pertama dan kedua feminism, tiada kegiatan wanita berunsurkan gerakan feminism berlaku. Salah faham pandangan berakibat daripada skema tiga gelombang feminism yang berbentuk reduksionisme dikritik seperti petikan berikut:

“[T]he grouping together of feminist movements under a general description of ‘first wave’ and ‘second wave’ may act to mask the diversity of feminist thought that has existed both within the two waves and between them, by attempting to give one label to whole series of different theories and actions” (Freedman 2001, 4).

### ***Aliran-aliran Utama Teori Feminisme***

Dalam bahagian ini, lima aliran utama dalam teori feminism dibincangkan. Secara umum, aliran-aliran ini mempunyai andaian asas mengenai punca diskriminasi wanita, penggerak yang terdiri daripada kalangan aktivis dan akademik dalam setiap aliran, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Aliran-aliran Feminisme**

<b>Aliran</b>	<b>Punca Diskriminasi</b>	<b>Contoh</b>
Feminisme liberal	Pengabaian hak wanita di ruang awam; ketiadaan jaminan hak dalam undang-undang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mary Wollstonecraft</li> <li>▪ Elizabeth Cady Stanton</li> <li>▪ Susan B. Anthony</li> <li>▪ Betty Friedan</li> </ul>
Feminisme Marxist	Dominasi kelas dan mod pengeluaran dalam sistem kapitalisme.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Alexandra Kollontai</li> <li>▪ Clara Zetkin</li> <li>▪ Angela Davis</li> </ul>
Feminisme Radikal	Praktik ideologi patriarki (kuasa lelaki) dalam ruang domestik dan ruang awam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kate Millet</li> <li>▪ Shulamith Firestone</li> </ul>
Feminisme Sosialis	Gabungan identiti dalam masyarakat, khususnya identiti golongan minoriti atau terpinggir.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Juliet Mitchell</li> <li>▪ Zillah Eisenstein</li> <li>▪ Sheila Rowbotham</li> </ul>
Feminisme Dunia Ketiga	Penjajahan atau kolonialism; dan hegemoni pengetahuan Barat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Gayatri Chakravorty Spivak</li> <li>▪ Chandra Talpade Mohanty</li> <li>▪ Kumari Jayawardena</li> </ul>

**Sumber:** Dipetik dan diubahsuai oleh penulis daripada karya Gamble (2004), Ramli (1999) dan Tong (2009).

Aliran feminism liberal salah satu pendekatan awal teori feminism. Antara pelopor aliran feminism liberal ialah Mary Wollstonecraft (1759-1797). Beliau popular dengan karya *A Vindication of the Rights of Women* (1792), manakala Betty Friedan (1921-2006) pula dengan karya *The Feminine Mystique* (1963). Bagi golongan feminis aliran liberal, punca dasar bagi subordinasi golongan wanita ialah ketiadaan dan pengabaian

perlindungan hak wanita menerusi jaminan aspek undang-undang. Ia disaduri idealisme kebebasan individu yang menjadi obor gagasan liberalisme di Barat. Sehubungan itu, penggubalan dan pelaksanaan undang-undang perlu dilaksanakan supaya kesamarataan peluang dan jaminan hak dinikmati golongan wanita dalam pelbagai bidang dan ruang awam seperti pendidikan, pekerjaan dan ekonomi (Hawkesworth dan Disch 2016). Walaupun undang-undang menjamin hak wanita, diskriminasi terhadap wanita ternyata masih berlaku akibat faktor identiti. Setiap individu memiliki identiti seperti etnik, kelas, jantina dan usia serta kebolehan diri yang berbeza antara seorang individu dengan seorang individu lain. Ia menjadi faktor penindasan berganda terhadap wanita (Jaggar 1983, 35-39; Ramli 1999, 46).

Aliran feminism Marxist pula memahami ketidaksamarataan ke atas golongan wanita adalah akibat eksplorasi dalam sistem ekonomi kapitalisme. Meskipun wanita bekerja dalam pengurusan rumah tangga seperti menjaga anak, mengemas rumah dan memasak, definisi kerja domestik wanita merupakan kerja yang tidak bergaji. Oleh yang demikian, jalan keluar daripada penindasan diandaikan dapat dicapai secara serentak menerusi revolusi iaitu penggantian sistem kapitalisme kepada sosialisme. Ragam pengeluaran sosialisme diandaikan bakal melibatkan wanita dalam guna tenaga atau kerja bergaji khususnya kegiatan perindustrian. Namun, strategi emansipasi feminis Marxist dikritik kerana hasil kajian di negara-negara sosialis dekad 1970-an dan 1980-an mendapat wanita semakin tertindas menerusi sistem sosialisme. Wanita mengalami beban kerja berganda di bawah sistem sosialisme berbanding sistem kapitalisme sebelumnya. Pekerja wanita bukan sahaja menanggung beban kerja dalam perindustrian, tetapi masih lagi dipertanggungjawabkan dengan peranan gender tradisional dalam ruang domestik iaitu pengurusan rumah tangga (Jaggar 1983, 63-69; Tong 2009, 97-110).

Aliran feminism radikal menganggap patriarki sebagai *total system of domination* yang mendiskriminasi wanita menerusi imperialisme, rasisme dan kelas sosial. Penindasan terhadap wanita dijustifikasi dengan mengolah persetujuan bahawa golongan tertindas bersikap malas, jahil dan tidak bertamadun (Jaggar 1983, 254). Dalam aliran feminism radikal, terdapat dua 'sekolah pemikiran' iaitu radikal libertarian dan radikal budaya. Radikal libertarian menyatakan penindasan wanita berpunca daripada institusi patriarki, justeru memerlukan institusi 'mesra wanita'. Berbeza dengan radikal budaya, aliran ini berpendirian bahawa wanita dan lelaki secara alamiahnya berbeza. Sifat penyayang dan pengasuh dalam diri wanita tidak diketepikan, bahkan perlu dalam dunia politik (Ramli 1999, 46). Selain itu, ia berbeza pandangan terhadap fungsi reproduksi wanita. Radikal libertarian menganggap fungsi ini sebagai kekangan kepada wanita. Feminis radikal budaya pula berpendirian sebaliknya kerana wanita harus menghargai keistimewaan biologinya dengan menjadi isteri dan ibu yang baik (Tong 2009, 48-95).

Aliran feminism sosialis pula dibincangkan antaranya oleh para sarjana seperti Alison Jaggar dan Juliet Mitchell. Dalam aliran feminism sosialis, subordinasi wanita bukan berpunca daripada faktor kelas ekonomi atau sistem kapitalisme sahaja—seperti mana andaian feminism Marxist—bahkan faktor-faktor lain yang telah wujud terlebih

dahulu seperti identiti gender, etnik dan ras. Diskriminasi terhadap wanita lama sebelum sistem kapitalisme diperkenalkan. Walaupun sistem kapitalisme digantikan dengan sosialisme, penindasan wanita masih berlaku kerana faktor-faktor subordinasi lain seperti patriarki telah menjadi salah satu punca penindasan wanita pada masa sebelumnya. Oleh yang demikian, tiada angkubah hubungan sosial yang dominan atau mutlak bagi penindasan golongan wanita. Kesemua faktor dalam hubungan sosial adalah saling mempengaruhi satu sama yang lain untuk mengkabulkan penindasan terhadap wanita (Tong 2009, 110-118).

Kewujudan aliran ini berpunca daripada masalah wanita Dunia Ketiga dijadikan objek imperialisme kuasa Barat. Golongan feminis Barat mendefinisikan identiti wanita Dunia Ketiga berdasarkan piawaian mereka sendiri (Hanum 2018, 22). Oleh itu, feminism Dunia Ketiga merupakan tindak balas, malahan kritikan terhadap hegemoni pengetahuan sarjana feminis Barat ke atas pengalaman wanita Dunia Ketiga. Gagasan aliran feminism Dunia Ketiga menyerang andaian feminis kulit putih yang dominan dalam analisis pengalaman wanita di luar benua Eropah dan Amerika Utara (Ng *et al.* 2006). Pemikiran Eurosentrisme oleh golongan feminis kulit putih jelas mengabaikan kepentingan untuk memahami feminism di Dunia Ketiga sebagai fenomena tempatan. Sebaliknya, para feminis kulit putih menghujahkan gerakan feminis di Amerika Utara dan Eropah ialah feminism yang asli. Mana-mana negara yang memaparkan citra gerakan feminism di luar dunia Barat dianggap suatu bentuk peniruan atau penerimaan pengaruh dari dunia Barat (Freedman 2001, 81). Hal ini kerana dunia Barat dianggap superior.

### *Perspektif Feminisme dalam Hubungan Antarabangsa*

Perspektif akademik yang asas dalam bidang Hubungan Antarabangsa ialah pendekatan realisme dan idealisme, kemudiannya disusuli pendekatan globalisme. Pendekatan-pendekatan ini turut disentuh dalam bab-bab yang lain. Ia berevolusi mengikut perkembangan global. Perspektif idealisme popular sekitar dekad 1920-an dan 1930-an iaitu semasa Liga Bangsa-bangsa dipercayai boleh membawa kepada kedamaian dunia pasca Perang Dunia Pertama. Namun, pemikiran idealis telah digugat oleh pecahnya Perang Dunia Kedua pada 1940-an yang menandakan kegagalan Liga Bangsa-bangsa. Maka, muncul perspektif realis sebagai suatu cara pandang terhadap hubungan antarabangsa yang menekankan kuasa dan kepentingan nasional sesebuah negara sebagai konsep utama yang mencorakkan hubungan antarabangsa. Globalisme pula menekankan pemahaman struktur antarabangsa yang berpengaruh terhadap tingkah laku dan hubungan antara negara (Ackerly, *et al.* 2006).

Perspektif feminism dalam hubungan antarabangsa sesekali dikategorikan sebagai sebahagian daripada pendekatan reflektivis yang menekankan aspek nilai berbanding penekanan terhadap pemikiran rasional dan fakta. Ia mula popular sekitar 1980-an apabila para sarjana feminis iaitu Jean Elstain, Cynthia Enloe dan J. Ann Tickner mula meneroka bidang politik antarabangsa. Sasaran sarjana feminis dalam bidang hubungan antarabangsa adalah terhadap topik yang sering diwacanakan seperti keselamatan, kedaulatan, perperangan dan keamanan (Ackerly and True 2008). Konsep keselamatan yang sering dibincangkan bersama dengan soal ketenteraan dan pertahanan dalam sebuah keadaan yang anarki dikritik sebagai suatu konsep keselamatan yang sempit.

Bagi sarjana feminis, keselamatan mestilah merangkumi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Di samping itu, peringkat analisis dilebarkan daripada hanya pada peringkat antarabangsa seperti dibuat oleh sarjana realis kepada peringkat negara dan individu. Persoalan perpeperangan turut mendapat perhatian dan sumbangan para sarjana feminis (Ramli 2002).

### **Kerangka Pembangunan Wanita dalam Hubungan Antarabangsa**

Bahagian ini menghuraikan pendekatan WID, WAD dan GAD. Ketiga-tiga konsep WID, WAD dan GAD saling berkaitan kerana pembinaan konsep tersebut adalah berdasarkan arus semasa isu pembangunan wanita dan gender, serta kritikan ilmiah terhadap pendekatan tersebut. Setiap tiga konsep WID, WAD and GAD mempunyai kerelevan dan kelemahan sendiri untuk menjelaskan pengalaman Malaysia dalam pelaksanaan CEDAW dan SDG 2030.

#### ***Wanita dalam Pembangunan atau Women in Development (WID)***

Konsep wanita dalam pembangunan atau WID dipopularkan kajian Boserup (1970) yang mendapati pmodenan gagal meningkatkan status golongan wanita. Malah, golongan wanita telah terkeluar dan terpinggir daripada arus pembangunan. Dalam hal ini, Boserup (1970) menyarankan agar status wanita ditingkatkan menerusi pengintegrasian mereka dalam proses pembangunan iaitu menerusi dasar-dasar yang dirangka khusus untuk wanita. Akhirnya, pandangan Boserup (1970) telah diterjemahkan sebagai strategi untuk membangunkan golongan wanita ke status yang lebih tinggi berdasarkan pendekatan WID. Ia menjadi pendekatan pembangunan wanita popular sekitar 1970-an dan 1980-an apabila diguna pakai oleh PBB dan banyak negara (Tadros 2019).

Namun demikian, terdapat kelemahan konseptual dalam pendekatan WID. Ia telah dikritik kerana menerima secara menyeluruh status quo kerangka pembangunan pada masa itu. WID direkayasa dalam dasar awam tanpa mempersoal aspek hubungan struktural antara wanita dan lelaki yang bermakna tidak melihat adanya persoalan kuasa dan ketidaksamarataan antara wanita dan lelaki iaitu permasalahan pokok pemunggiran wanita daripada arus pembangunan (Ng dan Tan 2011, 28). Andaian bahawa wanita tidak terlibat dalam pembangunan juga dipersoalkan.

#### ***Wanita dan Pembangunan atau Women and Development (WAD)***

Konsep WAD dicetuskan menerusi kritikan terhadap teori modenisasi dan pendekatan WID pada pertengahan dekad 1970-an. Berbanding WID yang menyatakan golongan wanita terpisah atau terpinggir daripada proses pembangunan justeru harus dilibatkan, WAD berpegang bahawa wanita sememangnya berperanan dalam proses pembangunan. Ia lantas membawa maksud pengintegrasian wanita dalam pembangunan hanya mitos. Di samping itu, WAD mengiktiraf peranan wanita dalam ruang awam dan peribadi. Ia bermaksud pendefinisan 'kerja' sebelum ini yang terhad kepada kerja berupah dalam sistem kapitalisme diluaskan merangkumi peranan domestik wanita dalam rumah tangga seperti mengasuh anak, memasak dan mencuci. Walau bagaimanapun, WAD masih tidak mempersoal peranan gender yang mana pembezaan peranan berdasarkan jantina hendaklah dipersoalkan agar stereotaip peranan wanita dan lelaki dapat dihapuskan, sekali gus mewujudkan kesaksamaan gender (Nalini *et al.* 1997, 18-19).

### ***Gender dan Pembangunan atau Gender and Development (GAD)***

Sebagai alternatif WID, GAD diformulasi para sarjana feminis akhir dekad 1970-an dan pada dekad 1980-an. GAD tidak menumpukan pusat analisisnya kepada kategori wanita semata-mata tetapi mempermasalahkan wanita melalui konsep gender. Oleh kerana inti kepada konsep gender ialah konstruksi sosial, ianya menyanggah penentuan berdasarkan biologi sekali gus bermaksud wanita bukan kumpulan yang bersifat homogen dan tidak sama matlamat politik dan sosialnya. Dalam hal ini, wanita Dunia Ketiga turut memberi penekanan pembebasan wanita daripada pelbagai sumber penindasan; gender, kelas, ras dan nasion. Sehubungan proses pembangunan, GAD menawarkan perspektif yang lebih holistik terhadap wanita. Pembangunan dalam konteks GAD memerlukan kepelbagaian faktor sosial diambil kira dalam merangka strategi dan dasar memajukan pembangunan wanita—bukan berdasarkan kategori ‘wanita’ semata-mata kerana wanita berinteraksi dalam kepelbagaian konteks ekonomi, politik dan sosial (Nalini *et al.* 1997, 18-19; Ng dan Tan 2011, 28-29).

### **Metodologi Penyelidikan**

Kajian ini dilaksanakan dengan memanfaatkan kaedah kualitatif. Pemilihan kaedah kajian kualitatif ini bersesuaian dengan sifat topik kajian yang memerlukan penafsiran dan penjelasan yang melibatkan pelbagai aspek dengan tujuan untuk memahami dan menjelaskan praktik feminism dalam pembangunan wanita di Malaysia. Kajian ini dijalankan merangkumi tiga proses utama iaitu (i) pengumpulan maklumat, (ii) analisis maklumat, dan (iii) penafsiran maklumat.

Proses pengumpulan maklumat menggunakan kaedah (i) kajian kepustakaan, dan (ii) temu bual separa berstruktur. Kajian kepustakaan dijalankan di Arkib Negara Malaysia, arkib NCWO dan koleksi arkib organisasi-organisasi berkaitan. Temu bual separa berstruktur pula dijalankan bersama Pertubuhan Wanita Kampung Song-Song (WANIS) di Kota Belud, Sabah, pada 3 Julai 2022. Soalan-soalan yang dikemukakan telah digariskan lebih awal tetapi dengan ruang untuk mengemukakan soalan-soalan lanjutan. Sehubungan itu, proses pengumpulan maklumat ini telah menjana data primer dan data sekunder.

Data primer dan data sekunder tersebut kemudiannya diproses berdasarkan tatacara (i) analisis dokumen (Bowen 2009); dan (ii) analisis kandungan kualitatif (Mayring 2010). Tafsiran terhadap maklumat ini juga dijalankan berdasarkan kerangka konseptual yang menawarkan kepelbagaian makna terhadap maklumat. Ia menghasilkan himpunan maklumat yang disusun mengikut tema yang bersesuaian untuk menjawab objektif kajian. Di samping itu, perolehan data primer dan data sekunder daripada pelbagai sumber dan bentuk membolehkan pengkaji untuk menyemak silang maklumat, seterusnya menjamin kredibiliti dan kebolehpercayaan. Sehubungan itu, hasil daripada proses pelaksanaan kajian ini dikemukakan dalam bahagian selanjutnya.

## **WID, WAD dan GAD dalam Pelaksanaan CEDAW dan SDG 2030**

Pergerakan emansipasi wanita atau feminism boleh disifatkan sebagai proses pembangunan wanita, meskipun ia tidak menggunakan istilah 'pembangunan' secara tersurat. Pembangunan wanita yang semakin menonjol melalui program, dasar dan jentera kerajaan pada dekad 1970-an harus dilihat secara luas aspek sejarahnya. Sentuhan idea emansipasi dari luar Tanah Melayu atau rantau Nusantara wujud sejak awal abad ke-20 lagi. Pengaruh emansipasi wanita diterima oleh intelektual *cum* reformis agama Islam iaitu Syed Sheikh Al-Hadi semasa pengajian di Mesir. Kepulangan beliau ke Tanah Melayu membawa idea emansipasi wanita pada sekitar 1920-an, meskipun citra wanita yang dibawakannya masih bersifat konservatif. Tindakan awal beliau membangunkan pendidikan kanak-kanak perempuan adalah melalui penubuhan Madrasah Al-Iqbal (1907) di Singapura, Madrasah Al-Hadi (1917) di Melaka dan Madrasah Al-Mashor (1919) di Pulau Pinang (Hamisan@Khair, 2020 160).

Selain pengaruh dari Mesir melalui pendidikan aliran agama, idea emansipasi bercambah dari dalam rantau Nusantara, khususnya Indonesia pada sebelum kemerdekaan pada tahun 17 Ogos 1945. Ia ditunjukkan oleh agenda pembangunan pendidikan untuk wanita yang semakin bersemarak pada tahun 1930-an dengan peranan Zainun Sulaiman atau Ibu Zain. Komentar beliau dalam majalah *Bulan Melayu* menunjukkan wujud pengaruh dari dalam rantau Nusantara seperti ketokohan Raden Adjeng Kartini dari Jepara, Jawa Tengah. Kegiatan Ibu Zain untuk kemajuan pendidikan berwahanakan organisasi Pertubuhan Guru Perempuan Johor berjaya (i) menjadikan sistem sekolah vernakular Melayu lebih tersusun seperti sekolah aliran Inggeris, (ii) penubuhan *Malay Women Teacher's College* (MWTC), (iii) pelaksanaan mata pelajaran Sains Rumah Tangga, dan (iv) peningkatan bilangan sekolah perempuan dan bilangan pendaftaran pelajar perempuan (Asiah 1960, 5-6).

Pada tahun 1940-an dan 1950-an, penerimaan pengaruh kesedaran nasionalisme terhadap pemimpin politik wanita seperti Aishah Ghani, Shamsiah Fakeh dan Sakinah Junid, serta peranan tokoh nasionalis wanita Khatijah Sidek yang berasal dari Pariaman, Sumatera Barat dapat dikaitkan dengan sistem persekolahan di Sumatera yang mensosialisasikan mereka dengan kesedaran kebangsaan Indonesia. Pengaruh serantau terhadap wanita ialah lumrah pada masa era pra Perang Dunia Kedua kerana keporosan sempadan geografi rantau Nusantara. Tokoh politik wanita ini dalam memoirnya menyatakan pengalaman persekolah tersebut signifikan dalam pembentukan pemikiran kebangsaan mereka (Aishah 1992; Khatijah 2010; Shamsiah 2007).

Memasuki dekad 1960-an dan awal 1970-an, penglibatan perunding dari luar negara dan penerimaan dana luar memperlihatkan wanita Malaysia pada era Perang Dingin telah menjalankan hubungan dengan negara kuasa besar iaitu Amerika Syarikat. Misalnya, aktiviti seminar anjuran NCWO yang menghimpunkan organisasi-organisasi wanita seluruh negara mendapat khidmat rundingan dan nasihat daripada konsultan wanita dari Amerika Syarikat seperti Margaret Padover dan Mary M. Cannon (Rasammah 1963, 8; *Report on the Study of a Women's Bureau* 1965, 2). Sorotan

sepantas lalu ini menunjukkan pengaruh idea emansipasi wanita dan proses pembangunan wanita telah bermula sejak sebelum tahun 1975. Namun demikian, ia masih bersifat terpencil, selain tiada mekanisme pemantauan prestasi dan implikasi pengaruh global.

Berdasarkan perbincangan ini, jelas bahawa pembangunan wanita telah berjalan lama sebelum penerapan WID, WAD dan GAD. Pendapat ini disokong perbincangan oleh Ariffin (1994) mahupun Karim & Rokiah (2016). Meskipun pembangunan terhadap golongan wanita pada era pra merdeka dan awal pasca merdeka tidak diungkapkan sebagai ‘pakej pembangunan wanita’, ia sebenarnya merupakan pembelaan dan pemerkasaan wanita yang menjadi elemen pembangunan wanita.

Lebih jelas lagi, pembangunan wanita diterapkan dalam program pembangunan masyarakat luar bandar yang dianjurkan oleh pihak Rural Industrial Development Authority (RIDA) seawal tahun 1950 iaitu sebelum kemerdekaan pada tahun 1957. Ia salah satu bukti program pembangunan telah melibatkan wanita, selari dengan semangat WID yang dicetuskan kemudian pada tahun 1975. Program tersebut diterapkan menerusi kerangka pembangunan masyarakat Melayu di luar bandar seperti sekolah kemahiran rumah tangga, kemahiran masakan, jahitan, sulaman, bantuan kecemasan, ekonomi rumah tangga dan perkebunan. Mercu tanda program ini ialah penubuhan Taman Asuhan RIDA di Kuala Lumpur, pada tahun 1956 (RIDA 1955; 1956; 1957). Maka, jelas bahawa program pembangunan wanita bukan suatu yang asing sebelum pengenalan program di bawah semangat WID, WAD dan GAD.

Dalam hal ini, pengaruh global berlaku dengan lebih jelas dalam agenda pembangunan wanita oleh PBB. Pembentukan NACIWID berlatarkan pengajuran Dekad Wanita Antarabangsa (1975-1985), Tahun Wanita Antarabangsa 1975 dan Rancangan Tindakan Dunia oleh PBB untuk memperbaik taraf golongan wanita. Sebagai negara ahli, Kerajaan Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan cadangan tindakan terdiri daripada (i) dasar negara mengenai wanita, (ii) jentera negara untuk hal ehwal wanita, (iii) langkah-langkah perundangan, (iv) pembiayaan dan (v) objektif minimum yang perlu dipenuhi pada tahun 1980. Sehubungan itu, NACIWID berperanan sebagai urusetia yang memenuhi tanggungjawab pembentukan jentera kerajaan mengenai wanita. Ia antara lain bertujuan untuk (i) memberi perkhidmatan sebagai penyelaras, perunding dan badan penasihat Kerajaan dan antara Kerajaan dengan badan wanita bukan Kerajaan, (ii) menimbulkan kesedaran kebangsaan dalam kalangan wanita mengenai peranan dalam pembangunan negara, (iii) menentukan penyatuan sepenuhnya wanita dalam pembangunan nasional, (iv) mengupayakan wanita memajukan potensi diri ke peringkat maksimum, (v) menimbulkan kesedaran wanita tentang hak dan (vi) memberikan sumbangan terhadap kemajuan perdamaian antarabangsa (Karim 1985).

Seperti dibahaskan dalam bahagian sebelum ini, kerangka WID, WAD dan GAD adalah kesinambungan satu sama lain. Pertama kali pendekatan WID diiktiraf dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia adalah pada tahun 1991-1995 iaitu dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) yang memperuntukkan Bab 16: Wanita

Dalam Pembangunan, susulan Dasar Wanita Negara 1989 (Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995). Dalam konteks Malaysia, Nik Safiah dan Rokiah (2016) menyatakan bahawa Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) (2001-2005) merupakan anjakan paradigma dalam pembuatan dasar daripada WID iaitu ‘wanita dalam pembangunan’ (RMK-6 dan RMK-7) kepada WAD iaitu ‘wanita dan pembangunan’, susulan penubuhan KPWKM. Lebih terperinci, Karim dan Rokiah (2016) menjelaskan lagi bahawa peralihan istilah ‘dalam’ kepada ‘dan’ iaitu WID kepada WAD selanjutnya GAD, membawa mesej bahawa wanita yang selama ini dianggap hanya sumber tenaga bagi pembangunan —iaitu WID—mestilah diiktiraf sebagai penentu dasar yang ‘peka gender’—bukan ‘buta gender’.

Oleh yang demikian, berdasarkan perbincangan ini, pembangunan wanita di Malaysia ialah suatu proses panjang sejak sebelum merdeka sehingga pasca merdeka. Ia semakin konkret menerusi penerapan dalam dasar dan jentera yang dipertanggungjawab untuk melaksanakannya. Bahagian selanjutnya akan mengaplikasikan pendekatan WID, WAD dan GAD terhadap (i) komitmen pelaksanaan CEDAW dan (ii) pelaksanaan SDG 2030 dan peranan APPGM-SDG.

### ***Komitmen Pelaksanaan CEDAW***

CEDAW telah wujud sejak tahun 1979 berikutan komitmen PBB untuk mewujudkan kerangka dasar yang lebih mengkhusus terhadap wanita berbanding kerangka jaminan hak asasi manusia sebelumnya. Kerangka yang mendahului CEDAW ialah *The International Bill of Human Rights* merangkumi *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR), *The International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights* (ICESCR) dan *The International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR). Namun, kerangka ini sahaja tidak memadai. Oleh sebab itu, CEDAW mula dirangka pada tahun 1976 susulan persidangan di Mexico City pada tahun 1975.


Malaysia meratifikasi CEDAW pada tahun 1995, berikutan penyertaan Beijing Platform for Action pada tahun 1995. Ratifikasi Malaysia terhadap CEDAW tidak bersifat keseluruhan tetapi bersyarat. Masih terdapat peruntukan-peruntukan yang dikecualikan oleh pihak Malaysia berasaskan semangat prinsip ketiga Rukunegara iaitu Keluhuran Perlembagaan—Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi dalam Persekutuan. Terdapat peruntukan yang direservasikan oleh pihak Kerajaan khususnya berkaitan hukum syariah (Nik Safiah dan Rokiah 2016, 136).

Susulan ratifikasi CEDAW, pihak kerajaan atau pemerintah harus mematuhi prinsip kebertanggungjawaban dan akauntabiliti terhadap pelaksanaannya. Laporan peringkat nasional harus diserahkan oleh pihak kerajaan setelah setahun ratifikasi dan secara berkala empat tahun sekali. Di samping itu, ia memberi peluang kepada pihak masyarakat sivil tempatan untuk mengemukakan ‘laporan bayangan’ (*shadow report*) yang mempunyai akses terhadap laporan pihak kerajaan dan ‘laporan alternatif’ (*alternative report*) yang tidak mempunyai akses terhadap laporan pihak kerajaan. Sistem pelaporan ini mewujudkan ruang demokratik dalam CEDAW dan menjamin semak imbang melalui laporan perspektif kerajaan dan perspektif masyarakat sivil (Syed Sheikh 2010, 57).

Pelaksanaan komitmen CEDAW memberikan tanggungjawab pelaporan oleh pihak kerajaan kepada pihak CEDAW Committee. Maka, Kerajaan Malaysia mempunyai tanggungjawab pelaksanaan atas ratifikasi CEDAW. Ia mendarangkan peluang dan cabaran kepada pihak kerajaan khususnya KPWKM. Dengan menggunakan kerangka WID dan WAD, bahagian ini mempraktikkan kerangka tersebut dalam perbincangan peluang dan cabaran ‘feminisme dari atas’ terhadap kemajuan agenda wanita di Malaysia dalam kes CEDAW. Meskipun telah menerapkan WID dalam dasarnya pada awal tahun 1990-an, Malaysia masih belum mengambil serius pengiktirafan CEDAW sehingga selepas penganjuran Beijing Platform for Action 1995. Bagi Nik Safiah & Rokiah (2016), komitmen Malaysia terhadap CEDAW mula jelas apabila Malaysia menyertai *Beijing Platform for Action* pada tahun 1995. Delegasi pihak Kerajaan Malaysia yang diketuai isteri Perdana Menteri Tun Siti Hasmah menunjukkan hasrat kerajaan terhadap CEDAW tetapi lebih bersifat praktik perhubungan awam pada peringkat antarabangsa. Komitmen Malaysia terhadap CEDAW semakin konkret setelah terbentuknya KPWKM yang mana ia menggalas tanggungjawab kerajaan untuk mengemukakan laporan kepada PBB.

Kali pertama Kerajaan Malaysia menghantar laporan pencapaian CEDAW adalah pada tahun 2004 yang mana ia telah lewat menghantar laporan awal (pertama) dan laporan kedua. Semasa penyerahan pada tahun 2004, laporan pertama dan kedua dikembarkan serahan kepada CEDAW Committee, disusuli 2005 NGO Shadow Report on the Initial and Second Periodic Report of the Government of Malaysia bagi menunjukkan komitmen badan bukan kerajaan dalam mengangkat kebertanggungjawaban terhadap CEDAW. Laporan pertama dan kedua ini telah disemak oleh CEDAW Committee pada tahun 2006. Pelaporan Malaysia dalam CEDAW menunjukkan ia mengalami kelewatan beberapa kali dan masih terkepung dalam kerangka WID dan WAD yang melihat wanita perlu diintegrasikan dalam pembangunan dan menjadi penentu dasar, selain masih terbatas sekitar persoalan hak wanita yang berpaksikan hujah hak asasi manusia. Walhal, realiti di Malaysia telah berkembang pesat sehingga ke program bersifat pemekaan gender dan pengarusperdanaan gender. Gambar Rajah 1 Pelaporan CEDAW oleh Malaysia menunjukkan garis masa komitmen Malaysia terhadap CEDAW.

**Gambar Rajah 1: Pelaporan CEDAW oleh Malaysia**



**Sumber:** Susunan oleh penulis berdasarkan laporan daripada Women’s Aid Organisation (2019) dan Portal Maklumat Rakyat (2022)

### **Pelaksanaan SDG 2030 dan Peranan APPGM-SDG**

Agenda pembangunan wanita oleh PBB bermula secara rasmi pada tahun 1975. Pada masa itu, diadakan Dekad Wanita 1976-1985 yang dilanjutkan melalui *Beijing Platform for Change* pada tahun 1995. Setelah itu, agenda pembangunan wanita diterapkan melalui MDGs iaitu agenda pembangunan matlamat jangka panjang. MDGs diakusetujui semua negara ahli PBB bermula September 2000. Melalui kerjasama global, negara-negara ahli bertekad untuk membasmi kemiskinan, memperkasa wanita, melestarikan alam sekitar, termasuk isu kesihatan dan pendidikan. Lapan objektif telah digariskan yang mana Millennium Development Goal 3 (MDG3) bertujuan mempromosi kesaksamaan gender dan memperkasa wanita. MDG3 mensasarkan pembasmian jurang gender dalam lapangan pendidikan di peringkat rendah dan menengah pada tahun 2005 dan segenap peringkat pendidikan pada tahun 2015. Daripada segi kesaksamaan gender, terdapat tiga bidang yang dijadikan kayu ukur iaitu pendidikan, pekerjaan dan partisipasi politik (UN 2016).

Dengan tamatnya MDGs pada tahun 2015, *2030 Agenda for Sustainable Development* (2030 Agenda) dimeterai oleh Perhimpunan Agung PBB sebagai kesinambungannya, di New York, pada 25 September 2015. Ia merupakan komitmen global untuk pembangunan yang lebih lestari, mapan dan inklusif. Berbanding program MDGs yang menggariskan lapan objektif, SDGs menetapkan 17 matlamat dan 169 sasaran dengan peruntukan masa selama 15 tahun. SDGs memanjangkan lagi matlamat-matlamat yang telah direalisasi dalam MDGs dengan cakupan objektif ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lebih besar serta tumpuan yang lebih mendalam terhadap isu keamanan, penglibatan dan keikutsertaan (Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri 2017).

Melalui SDGs, berbanding 'promosi kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita' dalam MDGs (2000-2015), ianya bertujuan 'mencapai kesaksamaan gender' menjelang 2030. Kini, SDGs bukan semata-mata bertujuan menyedarkan negara ahli mengenai isu kesaksamaan gender tetapi juga untuk mewujudkan kesaksamaan tersebut secara konkret. Di Malaysia, meskipun Matlamat 5 Kesaksamaan Gender difokuskan terhadap wanita, ketetapan diambil untuk merancang dan melaksanakan matlamat kesaksamaan gender merentas 17 matlamat dalam SDG. Pelaksanaan SDG 2030 di Malaysia direncanakan oleh pihak Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia-Matlamat Pembangunan Lestari atau *All-Party Parliamentary Group Malaysia on the Sustainable Development Goals* (APPGM-).

Pelaksanaan matlamat kesaksamaan gender melalui APPGM-SDG menunjukkan aplikasi kerangka pembangunan WID, WAD dan GAD di Malaysia. Sejak tahun 2020, APPGM-SDG diwujudkan sebagai inisiatif untuk pengenal pastian dan penyelesaian isu yang berasaskan kajian, penilaian dan perkongsian untuk pembangunan tempatan. Ia bersifat rentas parti atau bipartisan mengikut kawasan Parlimen dengan melibatkan Ahli-ahli Parlimen, ahli akademik, rakan penyelesaian isu dan aktivis masyarakat. Bagi APPGM-SDG, kesaksamaan gender diandaikan merentasi kesemua matlamat pembangunan lestari. Selaras dengan itu, perspektif gender diperincikan dalam setiap

peringkat pelaksanaan semua projek.

**Gambar Rajah 2: Gerak Kerja APPGM-SDG**



**Sumber:** Susunan oleh penulis berdasarkan APPGM-SDG (2022)

Seperti Gambar Rajah 2 Gerak Kerja APPGM-SDG di atas, terdapat lima peringkat gerak kerja yang berpandukan lima teras APPGM-SDG iaitu (i) penyelidikan, (ii) projek penyelesaian, (iii) pentempatanan, (iv) dasar advokasi, dan (v) perkongsian untuk matlamat. Di samping itu, pada tahun 2022, terdapat tujuh (7) teras utama yang mendasari APPGM-SDG iaitu:

- Mempromosikan SDG di peringkat daerah.
- Perbincangan dasar parlimen berdasarkan dapatan kajian (pemetaan dan analisis situasi).
- Pemetaan SDG untuk keperluan tempatan, keutamaan dan analisis situasi.
- Projek penyelesaian SDG (mikro) sebagai petunjuk kepada penyelesaian jangka panjang, justeru, perlu dikaji semula untuk kelestarian.
- Memperkuuh kerjasama dengan agensi kerajaan, masyarakat sivil, institusi akademik dan sektor swasta.
- Memperkuuh penyertaan di peringkat serantau dan antarabangsa untuk program berkaitan SDG melalui high level political forum (HLPF) dan kumpulan antara parlimen.
- Memperkuuh penyelarasan pejabat APPGM-SDG, penyeliaan, penyampaian dan struktur tadbir urus.

Sehubungan itu, berdasarkan gerak kerja berteraskan matlamat ini, isu wanita dan gender dikenal pasti di peringkat tempatan. Pemilihan isu untuk penyelesaian ini akan ditentukan berpandukan pemetaan keutamaan isu di satu-satu lokasi. Ia melibatkan proses pemahaman situasi, kajian, perbincangan kumpulan fokus, temu bual mendalam dan tinjauan. Penyelesaian isu akan digerakkan oleh penyedia penyelesaian tempatan. Projek penyelesaian berskala mikro dijalankan dalam tempoh dua tahun dengan bantuan dana mikro (APPGM-SDG 2020).

Cabarannya pelaksanaan di peringkat komuniti tempatan ini adalah untuk memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan. Ia dapat dipastikan dengan menggalakkan agensi dan komuniti menghargai aspek pembangunan dan kelestarian yang tertumpu kepada lima ‘P’ iaitu (i) *people* (manusia), (ii) *planet* (planet), (iii) *prosperity* (kemewahan), (iv) *peace* (keamanan), dan (v) *partnership* (keserakahan). Selanjutnya, proses pelaksanaan ini melibatkan diskusi polisi iaitu perbincangan peringkat dasar berdasarkan pemetaan isu antara Ahli Parlimen, ahli akademik, komuniti dan ahli perniagaan. Bagi memastikan kelestarian pembangunan direalisasikan, kerjasama diadakan antara kerajaan, masyarakat sivil, institusi akademik, kumpulan parlimen dan sektor swasta

(APPGM-SDG 2020). Bagi tahun 2020, sebanyak 10 kawasan parlimen telah terlibat dan sebanyak 34 projek solusi telah dilaksanakan. Manakala bagi tahun 2021, sebanyak 87 projek solusi telah dijalankan oleh 77 rakan solusi di 20 kawasan parlimen (APPGM-SDG 2022).

Setakat manakah program APPGM-SDG menterjemahkan agenda pembangunan untuk wanita Malaysia? Pada tahun 2020, bidang-bidang tujuan SDG dipetakan mengikut kawasan Parlimen yang menjadi projek rintis bagi APPGM-SDG. Melalui pelaporan APPGM-SDG dalam *Annual Report 2020: APPGM-SDG*, terdapat variasi kedudukan wanita dalam proses pembangunan di Malaysia berlandaskan kerangka GAD. Analisis ini lebih tertumpu kepada Peringkat 3 Promosi yang mana kerangka agenda SDG diterapkan pada peringkat tempatan. Ia signifikan dalam melihat keadaan proses pembangunan dan kedudukan wanita dalam proses tersebut berlandaskan sama ada WID, WAD atau GAD.

Keadaan di Jeli, Kelantan menunjukkan kerangka WID masih relevan, khususnya situasi dalam kalangan komuniti Orang Asli. Penglibatan wanita dan belia komuniti Orang Asli adalah tidak memuaskan apabila mereka tidak terlibat dalam Peringkat 1 Kajian iaitu lawatan kerja lapangan untuk mengenal pasti isu dan penyelesaian permasalahan komuniti. Berbeza dengan komuniti Melayu, wanita di Kampung Jerimbong terlibat dengan aktif mengartikulasi isu dan penyelesaian (APPGM 2020:, 28). Dapatkan perbezaan respons daripada kedua-dua komuniti memerlukan sensitiviti dan pemahaman situasi komuniti komuniti menunjukkan bahawa WID, WAD dan GAD masih relevan sebagai kerangka analisis dan bersifat kontekstual dalam sesebuah komuniti.

Beberapa buah kawasan Parlimen dikenal pasti menghadapi isu berkaitan wanita dan gender. Kawasan Parlimen Pensiangan, di Sabah telah dikenal pasti bagi pelaksanaan SDG 5 Kesaksamaan Gender, di samping SDG 1 Kemiskinan Sifar. Kedua-dua ini diletakkan di bawah tema pembangunan komuniti di kawasan separa pedalaman dan kurang membangun. Terdapat beberapa isu dikenal pasti tetapi keutamaan diberikan kepada pemerkasaan wanita dalam bidang kesihatan (APPGM 2020: 42-43). Situasi ini memperlihatkan kerangka WID dan WAD boleh menjadi kerangka analisis atau teori dalam aplikasi di Pensiangan, Sabah.

Selain itu, di Kuching, Sarawak, lima wanita tempatan dan seorang belia lelaki dikenal pasti sebagai pemain utama bagi penyelesaian isu, selain masalah kesihatan yang menjadi salah satu isu dalam pemetaan keutamaan isu masyarakat setempat (APPGM 2022, 44-46). Ia menunjukkan keadaan wanita bukan hanya boleh ditempatkan dalam kerangka WID dan WAD yang mana wanita kurang bernasib baik dalam akses kesihatan, bahkan wanita mempunyai kedudukannya tersendiri dalam proses pembangunan bersama lelaki melalui kerangka GAD. Peranan wanita lebih jelas dalam agenda pembangunan berdasarkan keadaan tempatan di Batang Sadong, Sarawak. Pengurus Bersama APPGM-SDG Nancy Shukri pada tahun 2019 merupakan Ahli Parlimen Batang Sadong. Beliau dilihat berjaya membawa wanita bersama dalam agenda pembangunan tempatan. Penglibatan aktif wanita dapat diidentifikasi melalui

penilaian keperluan dalam komuniti (APPGM 2020, 49).

Selain analisis berdasarkan laporan rasmi oleh pihak APPGM-SDG, pengkaji berpeluang melaksanakan temu bual bersama pemimpin wanita WANIS dan penyedia penyelesaian tempatan (*solution provider*) yang bergerak di bawah program APPGM-SDG di daerah Kota Belud, Sabah. Kumpulan WANIS ini merangkumi tiga kawasan iaitu (i) Kampung Song-Song, (ii) Kampung Donggoi, dan (iii) Kampung Meraja. Berdasarkan temu bual bersama Pengurus Wanita WANIS Salinah Bakri, kesedaran untuk memperbaiki taraf wanita di Kampung Song-Song ini bermula dengan cara yang organik iaitu kesedaran sesama komuniti bahawa mereka mempunyai beberapa isu yang harus diselesaikan secara bersama. Penjelasan mengenai permulaan idea untuk menuju WANIS dijelaskan seperti petikan berikut:

“Sebenarnya permulaan ini kami yang mamak-mamak (baca: ibu-ibu) mahu menujuhan kelab mamak-mamak sebab di kampung ini belum ada satupun komuniti yang ada. Langsung tiada komuniti di sini. Puan Dayang (Setiausaha) lah sewaktu kami berkumpul ramai-ramai semasa kenduri. Cuba kita buat satu kumpulan, dia cakap. Kumpulan untuk mamak-mamak berkumpul, mamak-mamak bercerita, berkongsi masalah dan berbincang masalah. Baiklah saya bilang. Pada masa sama, APPGM datang ke sini, mahu buat survei apa perkara yang boleh dibantu. Saya cadangkan kami di sini belum ada komuniti lagi seperti komuniti wanita, komuniti belia. Jadi, dari situ kami mendapat peruntukan untuk menujuhan komuniti wanita. Dari situ sampai sekarang inilah pertubuhan kami iaitu WANIS.” (Salinah Bakri, Temu Bual, 3 Julai 2022).

Berdasarkan penjelasan tersebut, perlu ditekankan bahawa kesedaran peringkat komuniti telah tercetus lebih awal. Ia berjaya direalisasikan hasil inisiatif pihak APPGM-SDG yang memudah cara pendaftaran WANIS sebagai sebuah pertubuhan berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Pihak penyedia penyelesaian yang dilantik oleh APPGM-SDG di kawasan ini ialah Reef Check Malaysia yang diwakili oleh Nadhirah Mohd Rifai yang turut bertindak sebagai Penaung dan Penasihat WANIS. Dalam hal ini, penyelidikan dijalankan oleh pihak APPGM-SDG terlebih dahulu untuk meninjau permasalahan yang dihadapi penduduk. Maka, isu pembentukan komuniti wanita telah diberikan keutamaan untuk bagi peringkat projek penyelesaian. Terdapat tiga objektif yang digariskan dalam penyelesaian ini seperti dinyatakan dalam petikan di bawah:

“Berdasarkan perbincangan bersama komuniti wanita, kami mendapat tiga objektif. Pertama, penubuhan pusat pembelajaran komuniti. Kedua, membantu untuk memperkasa ekonomi wanita. Daripada itu kami menganjurkan kursus seperti kraf tangan dan jahitan yang boleh membantu penjanjana pendapatan. Ketiga, pendaftaran pertubuhan wanita secara rasmi supaya dengan adanya pertubuhan itu, lama-kelamaan apabila sudah mahir, sudah ada *local champion* di sini, maka mereka boleh bergerak dengan sendiri tanpa bantuan daripada pihak kami.” (Mohd Rifai, Temu Bual, 3 Julai 2022).

Objektif pertama tercapai dengan perasmian penubuhan dan pembinaan Pusat Pembelajaran Komuniti Kampung Song-Song, Kota Belud pada 18 Disember 2021. Ia dibina di atas tapak tanah persendirian yang diwakafkan secara sukarela oleh pemilik

tanah yang merupakan suami kepada ahli WANIS. Kegiatan yang dijalankan oleh WANIS bagi memenuhi objektif kedua ialah kursus kraf tangan dan jahitan. Kegiatan utama yang dijalankan ialah penjanaan pendapatan ekonomi menerusi kraf tangan yang dibuat daripada daun serdang. Tenaga pengajar bagi kemahiran kraf tangan berasaskan daun serdang diambil daripada komuniti wanita ini sendiri iaitu Jailan Preeh dari kawasan Kampung Donggoi yang komunitinya mengusahakan kraf tangan berasaskan daun serdang seperti kotak dan tudung saji untuk kegunaan sehari-hari atau acara adat, serta dijadikan sebagai cenderahati (Salinah Bakri 2022, Temu Bual). Selain itu, kursus kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi dijalankan seperti penggunaan aplikasi Zoom Meeting, pengurusan organisasi, penulisan kertas kerja dan pengurusan kewangan yang boleh membantu ahli jawatankuasa WANIS untuk menguruskan organisasi (Mohd Rifai 2022, Temu Bual). Kemahiran ini penting bagi memenuhi objektif ketiga iaitu memastikan komuniti wanita di Kampung Song-Song diperkisasikan untuk berdikari daripada segi ekonomi dan lain-lain keperluan dalam komuniti.

### Kesimpulan

Perspektif feminism dalam bidang hubungan antarabangsa dapat dilihat menerusi pengaruh ‘feminisme dari atas’ iaitu feminism global yang diterjemah menerusi kerangka pembangunan wanita dan gender. Dalam hal ini, WID, WAD dan GAD boleh memberikan sumbangan kerangka analisis terhadap pelaksanaan CEDAW dan SDG di Malaysia. Hasil analisis menunjukkan WID dan WAD diaplikasikan dalam pelaksanaan komitmen CEDAW, manakala WID, WAD dan GAD dalam SDG 2030 yang dilaksanakan oleh APPGM-SDG. Ia boleh diilustrasikan melalui Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3: Analisis Aplikasi Kerangka WAD, WID dan GAD dalam Pelaksanaan CEDAW dan SDG 2030 di Malaysia**

Kerangka Pembangunan Wanita dan Program Pelaksanaan	WID	WAD	GAD
CEDAW	√	√	X
SDG 2030	√	√	√

**Sumber:** Sintesis oleh penulis.

Oleh yang demikian, perspektif feminism dalam hubungan antarabangsa jelas melalui kerangka feminism global yang disifatkan sebagai ‘feminisme dari atas’ yang bermaksud komitmen Malaysia terhadap kerangka bersifat ‘dari atas ke bawah’ atau *top-down*. Hubungan feminism dengan hubungan antarabangsa ditunjukkan melalui kerangka pembangunan wanita iaitu WAD, WID dan GAD melalui CEDAW yang merupakan komitmen jangka panjang Malaysia terhadap isu kesaksamaan gender, manakala SDG 2030 yang merupakan komitmen jangka pendek dan jangka sederhana dalam merealisasikan agenda pembangunan wanita. Dalam analisis ini, didapati bahawa gerakan feminism yang bersifat akar umbi, berkepentingan golongan terpinggir dalam masyarakat mendapat nafas baharu yang dinamik melalui kebertanggungjawaban pihak kerajaan terhadap CEDAW dan SDG 2030 yang bersifat ‘feminisme dari atas’. Ia tidak berkonflik antara satu sama lain, sebaliknya bersifat konstruktif melalui kerangka pembangunan.

## Penghargaan dan Pengistiharan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Pertubuhan Naratif Malaysia (NARATIF) atas dana program kerja lapangan di Kota Belud, Sabah; Sekretariat APPGM-SDG Parlimen Malaysia; My-SDG Academic Network (MYSDG-AN) dan Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) atas sumbangan data dan masa yang diluangkan kepada penulis. Para penulis juga merakamkan penghargaan kepada pewasit sulit dan tanpa nama (*anonymous*) atas laporan komenar serta cadangan penambahan makalah.

## Rujukan

- Abdul Aziz, Sohaimi. 2003. *Syed Syeikh al-Hadi: Cendekia dan Sasterawan Ulung*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Ghani, Aishah Hajji. 1992. *Aishah Ghani: Memoir Seorang Pejuang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Samah, Asiah. 1960. “Malay Women Emancipation 1945-1960.” Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Singapura.
- Ackerly, Brooke., Maria Stern and Jacqui True. eds. 2006. *Feminist Methodologies for International Relations*. Cambridge: Cambridge University Press
- Ackerly, Brooke., and Jacqui True. 2008. “Reflexivity in Practice: Power and Ethnics in Feminist Research on International Relations.” *International Studies Review* 10, no. 4: 693-707.
- APPGM. 2020. “Gerak kerja: Teras APPGM-SDG.” *Laman Web Rasmi APPGM-SDG*. Dilayari pada Ogos 25, 2022. [https://appgm-sdg.com/bm/gerak\\_kerja/](https://appgm-sdg.com/bm/gerak_kerja/)
- APPGM. 2020. Annual Report 2020 on Sustainable Development Goals. Kuala Lumpur. All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM).
- Ariffin, Jamilah 1994. *Women and Development in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Bakri, Salina. 2022. Ditemubual oleh Penulis, Pertubuhan Wanita Kampung Song-Song (WANIS), [Kota Belud, Sabah, Malaysia]. 3 Julai 2001.
- Boserup, Ester. 1970. *Women's Role in Economic Development*. London: Allen & Unwin.
- Bowen, Glenn A. 2009. “Document Analysis as a Qualitative Research Method.” *Qualitative Research Journal* 9, no. 2: 27-40.
- Elias, Juanita. 2020. *Gender Politics and the Pursuit of Competitiveness in Malaysia*. London: Routledge

- Embong, Abdul Rahman. 2000. "Wacana Globalisasi." Dalam *Malaysia: Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?* Disunting oleh Noraini Othman, dan Sumit K. Mandal, 23-45. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Freedman, Jane. 2001. *Feminism*. Buckingham: Open University Press.
- Gamble, Sarah., Siti Jamilah dan Umi Nurun Mi'mah. 2010. *Pengantar Memahami Feminisme dan Postfeminisme*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Hamisan@Khair, Nur Saadah. 2020. "Syed Syeikh Ahmadal-Hadi's Thought on Women's Emancipation and Gender Equality: Re-Evaluation and Analysis." *AFKAR: Jurnal Aqidah & Pemikiran Islam* 22, no. 2: 157-184.
- Hanum, Farida. 2018. *Kajian dan Dinamika Gender*. Malang: Intrans Publishing.
- Hawkesworth, Marry. 2019. *Gender and Political Theory: Feminist Reckonings*. Cambridge: Polity Press.
- Hawkesworth, Marry., and Lisa Disch. 2016. "Introduction. Feminist Theory: Transforming the Known World." In *The Oxford Handbook of Feminist Theory*, edited by Lisa Disch, and Mary Hawkesworth, 1-15. Oxford: Oxford University Press.
- IDEA. 2002. "Wan Azizah: Women Politics, Reflections from Malaysia." *International Institute for Democracy and Electoral Assistance (IDEA)*. Dilayari pada September 4, 2022. chrome-extension://efaidnbmnnibpcajpcglclefindmkaj/https://www.idea.int/sites/default/files/publications/chapters/women-in-parliament/perempuan-di-parlemen-bukan-sekedar-jumlah-EN-case-study-malaysia.pdf
- JPW. 2022. "Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita." *Portal Rasmi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)*. Dilayari pada September 4, 2022. <https://www.jpw.gov.my/index.php/ms/mengenai-jpw/dasar-polisi/dasar-wanita-negara-dan-pelan-tindakan-pembangunan-wanita>
- Jaggar, Alison M. 1983. *Feminist Politics and Human Nature*. New York: Rowman & Littlefield.
- Joseph, Cynthia. 2014. *Growing Up Female in Multi-Ethnic Malaysia*. London: Routledge.
- Karim, Nik Safiah dan Rokiah Talib. 2016. *Pergerakan Wanita Memperjuangkan Hak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Karim, Nik Safiah. 1985. *Dekad Wanita: 1975-85 Satu Pengenalan Ringkas*. Kuala Lumpur: NACIWID.
- Kerajaan Malaysia. "Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)." *Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia*. Dilayari pada September 4, 2022. <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM6.pdf>

Kerajaan Malaysia. 2017 “Malaysia: Sustainable Development Goals Voluntary National Review.” *Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM)*. Putrajaya: UPE-JPM

Kerajaan Malaysia. 2022. “Malaysia serah laporan berkala keenam kepada CEDAW.” *Portal Maklumat Rakyat*. Dilayari pada Ogos 24, 2022. <http://pmr.penerangan.gov.my/?p=14995>

Mayring, Philipp. 2010. *Qualitative Inhaltsanalyse, Grundlagen und Techniken* [Qualitative Content Analysis] (Edisi ke-11). Winheim: Beltz, UTB.

Mohamad, Maznah. 1998. “Feminism and Islamic Family Law Reforms in Malaysia: How Much and to What Extent?” *Asian Journal of Women’s Studies* 4, no. 1: 8-32.

Mohamad, Maznah. 2002. “The Politics of Gender, Ethnicity, and Democratization in Malaysia: Shifting Interests and Identities.” In *Gender Justice, Development, and Rights*, edited by Maxine Molyneux, and Shahra Razavi, 347-383. Oxford: Oxford University Press.

Nalini Visvanathan, Nalini., Lynn Duggan, Nan Wiegersma, and Laurie Nisonoff. eds. 1997. *The Women, Gender and Development Reader*. London: Zed Books.

NCWO. 1965. “Report on the Study of a Women’s Bureau.” *Seminar the Study of a Women’s Bureau. Malayan Teachers College*. Kuala Lumpur: Arkib National Council of Women’s Organisations (NCWO).

Ng, Cecilia., Maznah Mohamad, and Tan Beng Hui. 2006. *Feminism and the Women’s Movement in Malaysia*. London: Routledge

Ng, Cecilia. and Tan Beng Hui. 2011. “Coverging rights: women, gender and development in multiethnic Malaysia.” Dlm *Our Lived Realities: Reading Gender in Malaysia*. Disunting oleh Cecilia Ng, Noraide Endut, dan Rashidah Shuib, 74-87. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Ramli, Rashila. 1999. “Gender dan Politik: Satu Penelitian Teoritis dan Empiris.” Dlm *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam Konteks Malaysia*. Disunting oleh Ghazali Mayudin, 41-64. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ramli, Rashila. 2002. “Perkembangan Teoritis Hubungan Antarabangsa Dalam Era Global. Dlm *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*. Disunting oleh Ghazali Mayudin, 153-171. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rasammah Bhupalan. Penyt. 1963. Peristiwa- yang membawa kapada pembentukan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Persekutuan Tanah Melayu. Laporan Hari Wanita Persekutuan Tanah Melayu 25 Ogos 1962. Arkib Negara Malaysia, 2007/0012408W.
- RIDA. 1955. Annual Report. Kuala Lumpur: *Rural Industrial Development Authority (RIDA)*.
- RIDA. 1956. Annual Report. Kuala Lumpur: *Rural Industrial Development Authority (RIDA)*.
- RIDA. 1957. Annual Report. Kuala Lumpur: *Rural Industrial Development Authority (RIDA)*.
- Rifai, Nadhirah. Di temubual oleh Penulis, Pertubuhan Wanita Kampung Song-Song (WANIS), [Kota Belud, Sabah, Malaysia], 3 Julai 2001.
- Fakeh, Shamsiah. 2007. *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari AWAS ke Rejimen ke-10*. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development (SIRD).
- Sidek, Khatijah. 2010. *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- SUHAKAM. 2017. "Human Rights Commission of Malaysia an Independent Report to the Committee on the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)." *Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)*. Accessed on September 4, 2022. [https://tbinternet.ohchr.org/Treaties/CEDAW/Shared%20Documents/MYS/INT\\_CEDAW\\_IFN\\_MYS\\_27118\\_E.pdf](https://tbinternet.ohchr.org/Treaties/CEDAW/Shared%20Documents/MYS/INT_CEDAW_IFN_MYS_27118_E.pdf)
- Syed Sheikh, Sharifah Syahirah. 2010. "The Implementation of CEDAW in Malaysia: A Human Rights-based Analysis." *Sarjana* 25, no. 3: 55-72.
- Tadros, Mariz. ed. 2019. *Women in Politics: Gender, Power and Development*. London: Zed Books.
- Tong, Rosemarie. 2009. *Feminist Thought: A More Comprehensive Introduction* (Edisi ke-3). London: Routledge.
- UN. 2016. *Malaysia: Millennium Development Goals Report 2015*. Kuala Lumpur: United Nations (UN).
- Virginia H, Dancz. 1987. *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- WAO. 2019. *The Status of Women's Human Rights: 24 Years of CEDAW in Malaysia*. Petaling Jaya: Women's Aid Organisations (WAO).